

# YTAR beri bantuan pelajaran kepada pelajar UMS

UB 18.4.2017 B4

KOTA KINABALU: Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) memberi sumbangan berbentuk bantuan pelajaran Yayasan Tunku Abdul Rahman (BOTAR) berjumlah RM90,000 kepada 30 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Majlis penyampaian disempurnakan sempena majlis Ramah Mesra YTAR bersama UMS baru-baru ini.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor UMS Hal Ehwat Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Ismail Ali, Ketua Eksekutif YTAR, Jamhari Hasbullah serta penerima bantuan pelajaran berkenaan.

YTAR berperanan membantu pelajar di 20 IPTA seluruh Malaysia termasuk bantuan untuk



**JAMHARI menyampaikan bantuan YTAR untuk pelajar UMS kepada Prof Madya Dr Ismail Ali.**

pelajar UMS sejak tahun 2010.

Ketua Eksekutif YTAR, Jamhari Hasbullah berkata, bantuan itu dikhususkan untuk pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga

kurang berkemampuan bagi menampung kos sara hidup untuk dua semester semasa mengikuti pengajian sepenuh masa ijazah sarjana muda di IPTA.

Selain BPTAR, YTAR juga

menawarkan beberapa jenis bantuan iaitu dermasiswa, biasiswa. Pelajar terpilih berpeluang mendapat bantuan daripada YTAR.

Sebelum ini, pada tahun 2014, YTAR pernah memberi



**PELAJAR yang menerima bantuan bersama Prof Madya Dr Ismail Ali dan Jamhari.**

bantuan kepada 40 pelajar yang layak.

Sementara itu, Ismail berkata pelajar UMS banyak mendapat manfaat daripada bantuan pelajar YTAR setiap tahun dan yakin peluang sebegini memberi momentum sangat tinggi kepada pelajar

untuk terus mencapai kejayaan.

Pelajar yang menerima bantuan perlu menggunakan tajaan itu sebaik-baiknya terutama dalam merancang penggunaannya terhadap keperluan sara diri sepanjang berada di universiti.

Di akhir sesi ramah mesra itu, Ismail yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menyampaikan ucapan terima kasih kepada YTAR dan yakin kerjasama berkenaan akan berterusan selaras usaha membantu pelajar di UMS.